

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kajian menunjukkan pada tahun 2020, penduduk di Malaysia dijangka akan mencecah 33.7juta orang di mana 3.8 juta (11.8%) adalah warga emas. Penyakit mata sering berlaku di kalangan warga emas. Nyatakan jumlah pesakit yang menghadapi penyakit mata Katarak, Glaukoma dan Diabetik Retinopati yang berdaftar di hospital Kerajaan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada *National Eye database*, **jumlah pesakit yang menghidapi penyakit Katarak pada tahun 2018 adalah sebanyak 50,682 orang dan menunjukkan sedikit peningkatan kepada 51,960 orang bagi tahun 2019**. Manakala, bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, jumlah pesakit Katarak adalah 14,926 orang.
2. Bagi pesakit yang menghidapi penyakit Glaukoma, **sebanyak 71,006 pesakit dicatatkan bagi tahun 2018 dan menurun kepada 59,103 bagi tahun 2019**. Manakala, bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, seramai 1,388 pesakit yang menghidapi penyakit Glaukoma dicatatkan.
3. Dan yang terakhir, **jumlah pesakit Diabetik Retinopati bagi tahun 2018 adalah seramai 27,713 orang dan sedikit meningkat kepada 27,238 pada tahun 2019**. Manakala, bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, seramai 7,544 pesakit yang menghidapi penyakit Diabetik Retinopati telah dicatatkan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Keseluruhan data bagi tahun 2020 menunjukkan pengurangan pesakit yang amat ketara disebabkan oleh penurunan jumlah pesakit yang mengunjungi hospital disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19. Penyakit mata seperti Katarak, Glaucoma dan Diabetik Retinopati juga boleh berlaku di kalangan golongan muda khususnya mereka yang mengalami masalah *Diabetes Mellitus*.

Sekian, terima kasih.